


Berdasarkan akta Burung dan Haiwan, sesiapa sahaja yang didapati bersalah melakukan kekejaman kepada haiwan, termasuk mengabaikan haiwan, boleh dipenjara sehingga 12 bulan, didenda sehingga \$10,000, atau kedua-duanya sekali.




Pembuangan dan Pemiakan

Setiap tindakan memberi kesan

Pengabaian kucing simpanan meningkatkan jumlah kucing terbiar. Ini merupakan satu sebab utama, Agri-food and Veterinary Authority (AVA) membinasakan sebanyak **13,000** ekor kucing setiap tahun.



Jumlah kucing terbiar telah distabilkan dengan operasi mengembirakan kucing. Namun masih banyak kucing terpaksa dimatikan kerana masih ada para pelik kucing yang tidak melakukan operasi ini dan membenarkan kucing simpanan mereka membiak. Apabila jumlah kucing di rumah meningkat, para pemilik mengabaikan kucing-kucing kerana tidak mampu lagi dipelihara.



Tetapi ingat. Apabila anda membuang kucing simpanan anda, anda secara langsung menyebabkan penderitaan mereka.

Pengembirian

Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura menyatakan bahawa semua mazhabs membolehkan pengembirian haiwan. Setelah meneliti hujah-hujah daripada mazhab-mazhab yang disebut dan pandangan perubatan daripada pakar haiwan Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA), Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa mengembiri kucing atas sebab-sebab maslahat adalah harus.

Kucing yang telah diabaikan tidak selalu dapat menyesuaikan dirinya kepada suasana yang baru, mereka selalunya lebih selasa berkeliaran di koridor-koridor ataupun di tempat yang dihuni manusia. Ini menyebabkan aduan daripada penghuni estet kepada pihak berkuasa apabila kucing tersebut membuang najis ataupun mengacau ketentraman. Setelah aduan dilakukan, pihak berkuasa akan ber tindak dan mengumpul kucing-kucing untuk dibinasakan. Sebab inilah penting untuk para pemilik kucing memahami bahawa kucing yang dipelihara tidak sepatutnya dibenarkan merayau di luar rumah.



Pembunuhan



Untuk mengembiri kucing peliharaan anda atau kucing terbiar pada kadar subsidi, hubungi Cat Welfare Society di catsnip@catwelfare.org.

Pesalah berulang dan pesalah kali pertama yang membuang sampah bersaiz besar seperti beg plastik, bungkusan makanan, cawan minuman dan sebagainya akan dibicarakan di mahkamah, di mana mereka boleh dikenakan hukuman Perintah Kerja Pemuliharaan (CWO), sehingga 12 jam atau denda sehingga \$1,000 atau kedua-duanya sekali.

Sayangi haiwan, bertimbang-rasa kepada manusia.

Cara memberi makan yang betul kepada kucing terbiar.

Memberi makan kucing terbiar bukan satu kesalahan, tetapi membiarkan sisa-sisa makanan dan lebihannya merupakan pencemaran awam dan sekitar.



Bersihkan lebihan makanan setelah kucing selesai makan.



Hidangkan makanan kucing di atas pinggan atau alas.

Beri makan kepada kucing di kawasan yang jauh dari laluan orang ramai seperti di kolong blok dan sekitarnya.



Elakkan daripada memberi makan di koridor-koridor kerana ia akan menyinggung perasaan jiran-jiran anda.

Jangan membuang makanan dari jendela rumah anda!

*'Wahai Nabi, adakah kami akan diberi balasan kerana membantu haiwan?'
Nabi berkata: 'Terdapat balasan bagi membantu setiap yang bernyawa.'*